

SEJARAH PERKEMBANGAN KUALA KANGSAR DAN SENIBENA
PENINGGALAN PENJAJAH HINGGA KINI.

Kajian Akhir ini dihantar kepada Jabatan Senibena,
Institut Teknologi Mara sebagai sebahagian daripada
syarat untuk mendapat Diploma Senibena.

Oleh:

Mohd. Zabidi b. Mohd. Bazir
Diploma Senibena Tahun 4,
K/P ITM: 87011702
Institut Teknologi Mara
Shah Alam, Selangor.
1987/1988

1.00 Pendahuluan.

1.10 Definisi kajian:

Kadang-kadang ia disebut juga sebagai kertas kerja semester (term paper), eseai panjang (long essay) atau kertas kerja penyelidikan (research paper). Panjangnya kertas kerja ini selalunya merangkumi kehendak-kehendak tujuan penulisannya, iaitu diantara 3,000 hingga 5,000 perkataan.*

1.20 Latar belakang kajian:

Kajian ini dibuat sebagai syarat yang telah ditetapkan didalam matapelajaran sejarah senibina. Ia adalah satu kajian ilmiah yang mengambil masa satu semester (lima bulan).

1.30 Pemilihan kawasan kajian:

Kuala Kangsar dipilih sebagai tempat kajian kerana Kuala Kangsar merupakan sebuah bandar utama dalam sejarah awal Perak dan perkembangannya hingga kini sebagai bandar utama daerah Kuala Kangsar.

Sejarah awal Negeri Perak telah menunjukkan Kuala Kangsar merupakan tempat bersejarah raja-raja dan kesultanan Perak. Sultan Yusuf Muzaffar Shah adalah yang mula-mula bersemayam di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, (Sultan Perak ke 27, 1876).

* Samarudin Rejab dan Nezri Abdullah,

(Penduan Menulis Tesis; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982)

1.40 Kepentingan Kajian:

Sebab-sebab pemilihan tajuk kajian adalah kerana ia dapat memperkenalkan sejarah perkembangan Kuala Kangsar dan kepentingannya dari masa lempau hingga kini.

Sejarah kawasan kajian amat penting dalam memberi gambaran dan penjelasan terhadap nilai sejarah setempat dan keiten luaran terhadap perkembangan masyarakat dan senibeneanya.

Kedatangan penjajah Inggeris telah menimbulkan kesan penentang rakyat Perak yang terakhir dengan campurtangan pehak Inggeris setelah J.W.Birch dibunuh di Pasir Salek pada 2hb.November, 1875.

1.50 Skop Kajian:

Sejarah awal penempatan Kuala Kangsar tidak dapat diuraikan dengan jelas sebelum permulaan Sultan Perak. Hanya selepas Kesultanan Perak bermula baru maklumat-maklumat mengenai penduduk tempatan dapat dikumpulkan. Justera, itu hanya perkembangan penempatan penduduk Kuala Kangsar selepas bermulanya Kesultanan Perak hingga kini sahaja yang dapat dikumpul dan dianalisis.

Kajian yang dijalankan hanya tertumpu di bandar Kuala Kangsar dan sekitar tiga batu disekelilingnya yang dapat dikaji kerana kawasan di mana terletaknya bangunan-bangunan dari kesan penjajahan Inggeris di Perak.

Kemasukan penjajah Inggeris dengan membawa ciri-ciri hidup dan pembangunan masih terdapat hingga kini. Bangunan-bangunan sama ada telah diroboh maupun telah terbakar tidak dapat memperolehi maklumat yang jelas mengenainya yang dapat dimuatkan dalam kajian ini.

1.60 Matlamat Kajian:

Mengumpulkan maklumat dengan teratur supaya dapat memberi manfaat kepada sesiapa yang berminat tentang aspek kajian yang dijalankan. Kerja kajian selidek ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang sejarah penempatan Kuala Kangsar dan perkembangannya hingga kini.

Kajian dapat memamparkan kedatangan unsur-unsur senibina penjajah serta cara hidup pemerintahannya. Kesan yang timbul dari kesan penjajah dan ciri-ciri senibina dan corak hidup mereka terhadap penduduk setempat.

1.70 Metadologi Kajian:

Kaedah kajian ini terbahagi kepada beberapa peringkat untuk mencapai dan mendapat matlamat-matlamat kajian.

1.71 Peringkat pertama;

Dalam peringkat ini kerja awalan yang dilakukan ialah membuat sinopsis kajian yang mengordungi pengenalan secara am mengenai bangunan penjajah dengan ringkas. Kajian menyeluruh pula akan dikaji termasuklah dari segi sejarahnya, konsep keujudan, lokasi bangunan tersebut dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan ciri-ciri senibina. Segala maklumat yang didapati adalah dengan cara melawat ke tempat-tempat yang terlibat ataupun dari sumber rujukan.

1.72. Peringkat Kedua.

Pada peringkat kedua pula kajian dibuat secara lebih mendalam dan diadakan lawatan ke tempat-tempat berkaitan dan juga jabatan-jabatan yang terlibat seperti JKR. Disini juga penyelidikan terhadap faktor-faktor atas bengunan penjajah tersebut akan dilakukan mengikut kemampuan penulis. Setelah penyelidikan ini diadakan maka